



Manfaatkan Ubat, Elakkan Mudarat

| oleh Adilah Mohamed Arif



Gambar Hiasan

Tahukah anda saban tahun **keracunan atau overdose ubat-ubatan atau produk farmaseutikal menduduki tangga teratas dalam carta kes keracunan** bahan kimia yang dirujuk ke Pusat Racun Negara (PRN) setiap tahun?

Kebiasaannya, apabila kita mengambil ubat, kita akan mendapat manfaat daripadanya. Namun ada segelintir daripada kita yang kurang bernasib baik, mendapat mudarat pula, berpunca daripada pelbagai sebab termasuklah akibat tersalah dos atau kaedah pengambilan. Hatta, ubat demam seperti Paracetamol yang dijual sebagai ubat OTC (*over the counter*) pun boleh memudaratkan jika diambil secara berlebihan/melebihi dos yang disyorkan. Oleh yang demikian, amat penting bagi kita sebagai pengguna untuk **memahami faktor risiko yang boleh mengundang mudarat atau keracunan kerana kebanyakannya boleh dielakkan jika langkah pencegahan dan keselamatan dititikberatkan**. Antara faktor yang perlu diambil kira termasuklah kaedah penggunaan, penyimpanan, kesesuaian ubat dan tidak kurang pentingnya ialah pemilihan ubat khususnya jika anda memilih untuk menggunakan ubat-ubatan tradisional dan alternatif.



Penggunaan Ubat

Penggunaan ubat yang betul adalah faktor penting untuk mengurangkan risiko keracunan ubat-ubatan. Cuba **amalkan panduan 5B** dengan memastikan **nama ubat yang betul** dengan **dos yang betul** diberikan kepada **pesakit yang betul**, pada **masa yang betul** dengan **kaedah yang betul**. Antara contoh senario kes keracunan yang sering dirujuk ke PRN ialah ubat sapu atau ubat untuk kegunaan luar diberikan secara oral/makan, tersalah makan ubat akibat tidak membaca label dengan betul, mengambil ubat dalam keadaan gelap, terkeliru dengan dua jenis ubat yang mempunyai rupa hampir sama, mengambil dos secara berlebihan dengan anggapan ianya boleh mendapatkan kesan lebih kuat atau kelegaan segera apabila satu dos yang disarankan oleh doktor dirasakan tidak cukup dan pelbagai lagi insiden keracunan yang sepatutnya boleh dielakkan.



Penyimpanan Ubat

Amalan penyimpanan ubat-ubatan secara selamat pula memastikan golongan berisiko seperti kanak-kanak tidak terdedah kepada keracunan. Bukan sahaja ubat, produk makanan kesihatan dan vitamin juga perlu disimpan dengan selamat kerana kebanyakan produk ini mempunyai rasa dan rupa yang menarik perhatian kanak-kanak yang boleh mengakibatkan mereka makan berlebihan dan mendapat kesan mudarat. Golongan dewasa juga tidak terkecuali menjadi mangsa keracunan akibat amalan penyimpanan yang berisiko seperti memindahkan ubat ke dalam bekas lain tanpa pelabelan yang betul. Selain daripada itu bagi pesakit dengan keperluan khusus termasuklah pesakit yang diberikan ubat-ubatan psikiatri, sebaiknya ubat-ubatan mereka disimpan oleh penjaga mereka bagi mengelakkan penyalahgunaan untuk mendapatkan kesan melampau atau cubaan memudaratkan diri sendiri.



Kesesuaian Ubat

Faktor kesesuaian ubat sangat penting difahami terutamanya bagi mereka yang berkeperluan khas atau mempunyai masalah kesihatan tertentu seperti mempunyai sejarah alahan ubat, kegagalan fungsi hati dan buah pinggang serta penyakit lain yang memerlukan pertimbangan khusus dalam pemberian ubat-ubatan. Contohnya, pengubahsuaian dos ubat perlu dibuat bagi pesakit kegagalan buah pinggang bagi mengelakkan risiko keracunan akibat fungsi penyingkiran ubat yang sudah menurun. Maka, sebelum anda diberi sebarang ubat-ubatan, amat digalakkan untuk memaklumkan sejarah perubatan anda kepada doktor bagi mencegah pemberian ubat yang tidak sesuai dengan kondisi kesihatan anda.



Pemilihan Ubat

Pemilihan ubat yang bersesuaian dapat dilaksanakan oleh doktor/ahli farmasi dengan mengetahui dan memahami sejarah perubatan anda. Namun, pemilihan sendiri ubat-ubatan seperti ubat tradisional atau alternatif mungkin berisiko menyebabkan kesan mudarat atau keracunan jika dibuat tanpa ilmu dan maklumat yang jelas tentang fakta keselamatannya. Antara panduan asasnya adalah seperti berikut:


- * Mendapatkan nasihat doktor/ahli farmasi tentang kesesuaian produk tradisional/alternatif dengan status kesihatan anda.
- * Menyelidik dan mendapatkan maklumat keselamatan setiap bahan ramuan di dalam sesuatu produk daripada sumber rujukan yang dipercayai.
- * Menyemak status pendaftaran, pencemaran bahan kawalan serta penarikan status pendaftaran produk di www.npra.gov.my
- * Memastikan produk mempunyai pelekat hologram yang asli.
- * Berhenti serta merta jika mengalami kesan sampingan dan melaporkan kepada profesional perubatan atau melaporkan sendiri melalui pautan ConSERF di www.npra.gov.my.
- * Tidak mudah terpedaya dengan testimoni dan pelbagai promosi iklan yang mengelirukan dan mungkin memberikan maklumat yang salah.
- * Pantau kesan sampingan walaupun anda mengambil produk yang dikategorikan sebagai makanan kesihatan atau makanan tambahan kerana terdapat produk seumpamanya yang dicemari bahan terkawal/racun berjadual.

Ubat-ubatan menjadi keperluan harian kepada sesetengah orang untuk mengawal penyakit dan meneruskan kehidupan berkualiti. Manakala majoriti kita akan memerlukan ubat hanya untuk merawat masalah kesihatan jangka pendek sahaja. Sebagai suatu keperluan bagi semua individu, justeru adalah amat penting untuk kita mendapatkan maklumat yang tepat tentang manfaat dan mudaratnya daripada pengamal perubatan bertauliah atau melalui sumber rujukan yang dipercayai. ■

*Ubat-ubatan memang bermanfaat,
Tetapi kita semua mesti beringat!
Elakkan amalan mengundang mudarat,
Agar kita semua sihat dan selamat.*

FAKTA NOMBOR

**“TOP 10”
ubat-ubatan yang paling
kerap menyebabkan
keracunan berdasarkan
data yang dilaporkan ke
Pusat Racun Negara.**



Overdose Ubat, Apa Nak Buat?

| oleh Adilah Mohamed Arif

Gambar Hiasan

PANDUAN BAGI MENGELAKKAN LEBIH BANYAK KEMUDARATAN BERLAKU DALAM MENANGANI OVERDOSE

Perkara utama yang perlu dilakukan apabila berlaku pendedahan keracunan/*overdose* ialah mengurangkan kemudaratan.

Dalam satu-satu kejadian *overdose*, adakalanya tiada kesan mudarat yang jelas dapat dilihat, sebaliknya akibat panik, berkemungkinan tindakan yang mengundang mudarat telah diambil, umpamanya memaksa mangsa muntah sehingga mungkin membawa kepada komplikasi lain.

1.

Jika mengesyaki keracunan ubat terjadi, tenangkan fikiran dan jangan panik.

2.

Cuba dapatkan bungkusan, bekas ubat atau label ubat untuk mengenal pasti nama ubat-ubatan yang terlibat. Mengetahui berapa banyak kuantiti ubat yang telah terlebih ambil amat membantu semasa rawatan.

3.

Jika mangsa berada dalam keadaan sedar, minta mangsa untuk meludah keluar saki baki ubat yang berada di dalam mulut.

4.

Jangan sesekali memaksa mangsa muntah melainkan ia berlaku secara semula jadi bagi mengelakkan komplikasi lain daripada berlaku.

5.

Hubungi talian kecemasan:

999

04-657 0099

012-430 9499

atau segera ke hospital yang berdekatan. Jangan cuba merawat sendiri tanpa nasihat daripada doktor kerana sesetengah keracunan ubat memerlukan rawatan yang khusus.

6.

Teruskan meneliti status pernafasan, denyutan nadi dan tahap respon mangsa sementara mendapatkan bantuan.

MENCEGAH LEBIH BAIK daripada Merawat



1. Ketika Penggunaan

1

KAEDAH



Amalkan **Kaedah 5B** dengan memastikan:

- **nama ubat** yang betul
- **dos** yang betul
- diberikan kepada **pesakit** yang betul
- pada **masa** yang betul serta
- **kaedah** yang betul.

2



Pasang **lampu** jika perlu mengambil ubat pada **waktu tengah malam**.

3



Mengambil ubat dalam **keadaan tenang, membaca label** dengan teliti terutamanya **jika terdapat ubat-ubatan dengan rupa yang hampir sama**.


4



Elakkan pengubahsuaian dos tanpa nasihat doktor/ahli farmasi.

2. Ketika Penyimpanan

1



Simpan semua ubat dengan selamat – kabinet/**bekas berkunci** (terbaik)

2



Bawa **jumlah ubat yang sedikit** untuk keperluan dalam perjalanan.

3



Simpan ubat dalam **bekas asal yang berlabel jelas**.

4



Ubat pesakit berkeperluan khas sebaiknya **disimpan rapi** oleh **penjaga** mereka.

3. Ketika Pelupusan

1

Semak tarikh luput ubat-ubatan anda dari semasa ke semasa dan **lupuskan semua ubat-ubatan yang telah melepasi tarikh luput, yang telah berubah warna, bau atau rasa** serta ubat titis mata/telinga yang **telah dibuka melebihi sebulan**.

2

Ubat-ubatan ini juga **boleh dipulangkan kepada farmasi** berdekatan bagi memastikan pelupusan yang selamat boleh dilaksanakan.



Amalan khusus pencegahan keracunan ubat-ubatan kepada kanak-kanak



1

Elakkan memberi **formulasi ubat orang dewasa** kepada kanak-kanak.

2

Elakkan memujuk **anak** makan ubat dengan mengatakan sebagai **"gula-gula"**.

3

Produk makanan kesihatan/vitamin juga **perlu dijauhkan** daripada capaian kanak-kanak.

4

Jangan biarkan ubat ditinggalkan **tanpa pengawasan** walau seketika.

5

Gunakan **picagari** untuk **sukat** ubat kanak-kanak berbentuk cecair.

6

Elakkan mengambil ubat anda di hadapan **kanak-kanak** kerana mereka mungkin **cuba meniru perbuatan orang dewasa**.

"MANFAATKAN UBAT, ELAKKAN MUDARAT"

Maklumat ubat-ubatan: Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia - 1 800 88 6722



Kes keracunan/overdose, hubungi Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia di talian 012-430 9499

Tahukah Anda? Sibutramine Pembunuh Senyap

| oleh Dr Normaliza Hj Abdul Manaf

Sibutramine ialah sejenis bahan kimia dan ubat yang boleh mengurangkan rasa lapar. Sehubungan dengan itu, sibutramine banyak digunakan dalam terapi obesiti terutama bagi mereka yang ingin menurunkan berat badan. Sibutramine digunakan bersama diet kalori rendah dan senaman khusus membantu orang-orang yang mempunyai berat badan berlebihan dalam menurunkan berat badan dan untuk mengekalkan penurunan berat badan.

Sibutramine dikawal di bawah Akta Racun 1952, dan termasuk dalam senarai 'Group B Poison'. Sibutramine telah diluluskan untuk digunakan sebagai terapi obesiti di Amerika Syarikat pada tahun 1997. Namun begitu, kelulusan ini telah ditarik balik pada tahun 2010 kerana peningkatan risiko kejadian serangan jantung. Penjualan Sibutramine di Malaysia juga telah diharamkan pada tahun 2012 kerana ia berupaya meningkatkan risiko serangan jantung dan strok selain kesan sampingan terhadap sistem saraf pusat, saluran gastrousus dan sistem organ lain. Antara kesan sampingan lain yang biasa dikaitkan dengan Sibutramine termasuk mulut dan tekak kering, sakit kepala, insomnia, sembelit, loya, muntah, cirit-birit dan peningkatan tekanan darah dan degupan jantung.

Meskipun tiada lagi sediaan secara komersial kerana Sibutramine termasuk dalam senarai ubat terlarang, namun Sibutramine telah ditemui sebagai bahan campur palsu dalam produk-produk penurunan berat badan yang dijual sama ada di kedai-kedai atau dalam talian. Tujuan Sibutramine dimasukkan ke dalam produk adalah bagi memastikan keberkesanan produk yang pantas kepada pengguna.

Produk sebegini akan memberi kesan buruk kepada pengguna dengan mempercepatkan denyutan jantung dan ini sangat berbahaya kepada pembuluh darah berikutan tekanan darah akan naik mendadak. Kesan yang lebih buruk menyebabkan pengguna yang mengambilnya bakal diserang strok mengejut, denyutan nadi dan jantung menjadi pantas dan tidak menentu. Kekurangan air di dalam tubuh pengguna akan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan hati. Satu kes yang pernah dilaporkan, seorang mangsa di Singapura dimasukkan ke hospital kerana mengalami halusinasi dan kegagalan buah pinggang yang teruk selepas menggunakan sejenis pil kurus.

Sekiranya anda telah ataupun sedang mengambil produk pelangsing dan mengalami kesan-kesan sampingan sebagaimana tersenarai di atas, anda dinasihatkan agar berhenti daripada mengambil produk berkenaan dan jalani



Gambar Hiasan

pemeriksaan di hospital atau klinik kesihatan berdekatan. Pengguna boleh melaporkannya kepada pihak berkuasa supaya siasatan dan tindakan boleh diambil. Senarai produk yang mengandungi bahan terlarang Sibutramine boleh didapati melalui portal rasmi Bahagian Regulatori Farmasi Negara <https://npra.gov.my/>.

Sibutramine juga merupakan bahan yang tersenarai dalam senarai bahan yang terlarang untuk digunakan sewaktu pertandingan oleh Agensi Anti-Doping Dunia (WADA). Pada tahun 2014 isu doping dilaporkan di media apabila atlet wushu Sukan Asia, Tai Cheau Xuen positif dadah jenis Sibutramine yang mengakibatkan figura tersebut kehilangan pingat emas yang diraihnya. Pada tahun 2017 pula, arena hoki tempatan menerima tamparan selepas penjaga gol utama skuad negara, S Kumar didapati positif kerana menggunakan bahan terlarang Sibutramine oleh WADA pada kejohanan Piala Asia di Dhaka, Bangladesh. Berdasarkan kepada beberapa kes di atas, atlet negara perlu lebih berhati-hati dalam memilih suplemen tambahan. Mereka perlu tahu kandungan suplemen yang diambil bagi menghindarkan daripada positif doping di masa akan datang bagi menghindarkan pingat yang dimenangi ditarik balik dan dalam masa yang sama menjaga nama baik negara.

Sesungguhnya tiada jalan pintas untuk kurus jika anda obes. Orang ramai yang mahu kurus atau menghadapi masalah obesiti boleh mendapatkan nasihat dan rawatan dari profesional kesihatan sekiranya perlu. Jangan mudah tertipu dengan produk kesihatan yang banyak dipromosikan melalui penjualan dalam talian. Menjaga pemakanan adalah langkah yang amat wajar. Amalkan "suku-suku, separuh" dan bersenam. Kaedah ini lebih selamat dan berkesan.

Pusat Racun Negara (PRN) menawarkan perkhidmatan analisis produk-produk pelangsing bagi mengesan bahan campur palsu Sibutramine. Pengguna boleh menghubungi Makmal Toksikologi, Pusat Racun Negara ditalian 04-653 2171 atau melalui emel prnlab@usm.my untuk maklumat lanjut. ■



Gambar Hiasan

Lindane untuk rawatan kudis buta: Antara manfaat dan kesan toksik

| oleh Nur Afni Amir

Lindane merupakan sejenis racun serangga dalam kumpulan organoklorin. Ia merupakan salah satu racun perosak yang dibenarkan penggunaannya ke atas manusia untuk tujuan rawatan kudis buta sejak tahun 1950. Walaupun masih digunakan sebagai ubat, penggunaan lindane sebagai racun perosak dalam sektor pertanian sebenarnya telahpun diharamkan setelah ia dikenalpasti sebagai salah satu bahan pencemar organik kekal (*persistent organic pollutant*) dalam *Stockholm Convention on Persistent Organic Pollutants* (POPs). Namun pengharaman lindane ini masih dikecualikan untuk penggunaan dalam bidang farmaseutikal khususnya untuk rawatan kutu dan kudis buta kerana ia masih dianggap berkesan dan harganya yang lebih murah berbanding ubat alternatif yang lain. FDA sendiri telah meluluskan penggunaan lindane sebagai terapi barisan kedua untuk rawatan kutu rambut, kutu pubik dan kudis buta untuk pesakit yang berumur 2 tahun ke atas sekiranya rawatan dengan pilihan ubat lain yang lebih selamat seperti *permethrin* tidak berjaya atau tidak sesuai untuk pesakit. Di Malaysia penggunaan lindane dalam rawatan kudis buta adalah dibenarkan. Walaubagaimanapun, beberapa buah negara seperti United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat (di California sahaja) telah mengambil langkah berhati-hati dengan mengharamkan produk farmaseutikal yang mengandungi lindane kerana kebimbangan terhadap risiko kesan toksiknya terhadap manusia dan persekitaran.

Kesan Toksik Lindane

Nama lain bagi lindane adalah *gamma benzene hexachloride* dan ia boleh didapati sebagai sediaan untuk kegunaan pada kulit manusia pada kepekatan 1%. Kesan toksik daripada penggunaan terapeutik adalah sangat jarang namun keracunan boleh berlaku sekiranya lindane disapu secara berlebihan atau berulang kali tanpa mengikut saranan yang sepatutnya. Namun apa yang lebih membimbangkan, banyak kes keracunan telah dilaporkan akibat pesakit terminum lindane secara tidak sengaja terutama sekali dalam kalangan kanak-kanak. Ada juga kes dimana ibu bapa sendiri telah tersalah memberi minum lindane kepada anak kerana menyangka ia adalah ubat untuk diminum seperti ubat batuk ekoran botol ubat ini yang kelihatan seakan-akan sama!

Lindane mudah diserap ke dalam tubuh sama ada melalui serapan kulit atau sekiranya termakan. Ia kekal di dalam tisu lemak dalam satu jangkamasa yang panjang. Lindane boleh menyebabkan ransangan pada sistem saraf pusat seterusnya mengakibatkan gejala seperti sawan seantas satu atau dua jam selepas keracunan berlaku.

Sekiranya berlaku keracunan, pesakit mungkin akan mendapat gejala-gejala seperti berikut:

- * Loya
- * Muntah
- * Sukar bernafas
- * Sakit kepala
- * Badan menjadi lemah
- * Sawan

Keterangan gejala ini adalah bergantung kepada dos yang diserap masuk ke dalam badan.

Sekiranya anda perlu menggunakan lindane untuk rawatan, pastikan anda mengikut saranan seperti berikut untuk mengurangkan risiko kesan sampingan atau keracunan:

- * Elakkan penggunaan pada kulit yang basah atau selepas mandi.
- * Elakkan penggunaan melebihi jangkamasa yang dicadangkan—basuh selepas 6-8 jam.
- * Lindane tidak sesuai digunakan oleh wanita mengandung atau menyusukan anak, kanak-kanak berusia bawah 10 tahun atau pesakit yang mempunyai penyakit sawan. Pastikan anda berbincang dengan doktor atau pegawai farmasi sebelum memulakan rawatan.
- * Tutup botol lindane dengan rapat dan pastikan ia diletakkan jauh dari capaian kanak-kanak.
- * Baca arahan pada label ubat sebelum menggunakannya. Lindane adalah untuk kegunaan luar sahaja (kulit atau rambut).■

SEBIJI PIL MAMPU MEMBUNUH!

| oleh Mahiya Nabila Rosaria Abdul Hamid

Tahukah anda, jika seorang bayi atau kanak-kanak termakan walau hanya sebiji daripada salah satu ubat berikut, ia boleh membawa maut:

Penghalang Saluran Kalsium (Calcium Channel Blockers/CCBs)

Kumpulan ubat darah tinggi yang boleh menyebabkan degupan jantung perlahan, tekanan darah rendah serta mengganggu pengepaman jantung dan juga menghalang penghasilan insulin.

Contoh Ubat: *Amlodipine, Diltiazem & Verapamil*

Antidepresan Trisiklik (Tricyclic Antidepressants)

Ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan ini bertindak menghalang saluran kalsium dengan cepat sehingga mengganggu atau melambatkan pengepaman jantung serta menyebabkan sawan.

Contoh Ubat: *Amitriptyline, Nortriptyline & Imipramine*

Opioid (Opiates)

Kumpulan ubat tahan sakit yang boleh menyebabkan koma dan masalah pernafasan.

Contoh Ubat: *Codeine, Morphine & Oxycodone*

Klorokuin (Chloroquines)

Ubat antimalaria yang boleh menyebabkan degupan jantung tidak normal serta *cinchonism* iaitu kesan sampingan yang merangkumi masalah pendengaran, pening, kulit kemerahan, bunyi deringan dalam telinga dan penglihatan kabur.

Contoh Ubat: *Klorokuin & Hidroksiklorokuin*

Sulfonilurea (Sulfonylureas)

Ubat kencing manis yang boleh menurunkan paras gula dalam badan ke tahap yang sangat rendah—hipoglisemia.

Contoh Ubat: *Glibenclamide, Glyburide, Glipizide & Gliclazide*

Penyekat Beta (Beta Blockers)

Kumpulan ubat darah tinggi yang boleh menyebabkan keadaan "hipoglisemia". juga menghalang pembentukan glikogen/gula di dalam hati yang diperlukan oleh badan sebagai sumber tenaga.

Contoh Ubat: *Metoprolol, Bisoprolol & Propranolol*

Amfetamin (Amphetamine)

Ubat digunakan untuk merawat narkolepsi (penyakit tidur sepanjang masa) dan kanak-kanak yang hiperaktif. Ubat yang sering disalahguna ini boleh menyebabkan keresahan, kekeliruan, serta tekanan darah yang tinggi. Dalam kes keracunan teruk, mereka akan mendapat gejala seperti sawan, suhu badan melebihi 40°C, serangan mengejut penyakit jantung, strok dan kematian.

Contoh Ubat: *Dextroamphetamine, Amphetamine & Ketamine*

Teofilin (Theophylline)

Ubat asma yang boleh menyebabkan sawan dan masalah degupan jantung laju yang tidak normal.



Sambutan minggu pencegahan keracunan disambut pada **minggu ketiga Mac** di Amerika Syarikat sebagai usaha meningkatkan kesedaran orang ramai tentang risiko keracunan bahan kimia isirumah, ubat-ubatan, racun makhluk perosak, racun serangga atau haiwan berbisa dan juga gas beracun dan mampu mencegah keracunan.

Bersempena sambutan Jubli Perak, Pusat Racun Negara telah memulakan inisiatif yang sama pada tahun 2017 dengan menganjurkan Siri Kempen Kediaman Selamat di 5 buah daerah di Pulau Pinang selama 3 tahun. Sejak pandemik Covid-19 melanda, PRN telah mengubah strategi dengan mengadakan kempen ini secara dalam talian sepenuhnya bermula pada tahun 2021 dengan nama Bulan Pencegahan Keracunan Kebangsaan (BPKK). Kempen pencegahan keracunan anjuran PRN juga diadakan setiap Mac sebagai simbolik kepada bulan penubuhan PRN lebih 2 dekad yang lalu.



MINGGU PENCEGAHAN KERACUNAN KEBANGSAAN 2022

Manfaatkan Ubat, Elakkan Mudarat



prn.usm.my



@prnusm



@pusatracun
negarausm
.official



@prnusm



prnnet@
usm.my

25-31 MAC 2022

AKTIVITI MENARIK MENANTI ANDA!

- Webinar Risiko Keracunan Hasil Pembelian dan Penggunaan Ubat Dalam Talian
- Webinar Ubat dan Kanak-Kanak
- Webinar Tumbuhan Dengan Khasiat Perubatan: Manfaat Atau Mudarat?
- Webinar Keracunan Ubat: Ambil Tahu, Elak Keliru
- Pertandingan Jawab & Menang: Perkhidmatan Makmal Toksikologi
- Pertandingan "Like & Share"



PRN memulakan aktiviti 2022 dengan beberapa webinar berkaitan racun dan keracunan. Setakat artikel ini ditulis, 2 webinar telah dilaksanakan dengan jayanya, manakala beberapa webinar sedang berlangsung atau akan berlangsung bersempena Minggu Pencegahan Keracunan Kebangsaan 2022 yang berlangsung sepanjang 25 hingga 31 Mac 2022.

KOSMETIK TOKSIK DAN IMPLIKASI VAPE

PENCERAMAH:

28 JANUARI 2022
8.00 P.M. - 10.30 P.M.

WEBEX
Facebook Live

MODERATOR: MOHAMAD FAKHRI BIN ABDUL AZIZ
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

PUAN SAZARONI MD RASHID
PEGAWAI FARMASI
Pusat Racun Negara USM

PUAN SULASTRI SAMSUDIN
PEGAWAI FARMASI
Pusat Racun Negara USM

IMBAS LINTUK PENDAFTARAN

Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan:
E-mel: 018-9911052
Hanya: 011-3990219
Desemua Indah Kembara @Desma Indah Kembara
Persekitaran Pelajar SIKUSM @Desma SIKUSM

WEBINAR KOSMETIK TOKSIK & IMPLIKASI VAPE

Webinar ini dianjurkan oleh Majlis Penghuni Desasiswa Indah Kembara dengan kerjasama Pusat Racun Negara dan Persatuan Pelajar Sikh USM telah berlangsung pada 28 Januari 2022 bermula 8.00 dan tamat pada 10.30 malam. Ia disiarkan secara langsung melalui media sosial secara serentak di Facebook Desasiswa Indah Kembara, Persatuan Pelajar Sikh dan Pusat Racun Negara.

Program ini telah dijayakan oleh 2 panel jemputan, pegawai farmasi daripada Pusat Racun Negara iaitu:

PANEL 1: Puan Sulastris Samsudin
TOPIK: Vape Mudarat, Jangan Terjerat

PANEL 2: Puan Sazaroni Md Rashid
TOPIK: Kosmetik Beracun

Webinar ini telah berjaya menarik penonton lebih 200 orang dan diakhiri dengan sesi soal jawab yang sangat interaktif.

SEMINAR VAPE DAN PENYAKIT EVALI Siri 1
[E-Cigarette or Vaping Use-Associated Lung Injury]

06.03.2022 | AHAD | 09:00 - 12:30 HR

SECARA DALAM TALIAN (pautan akan diemelkan setelah anda mendaftar)

PERCUMA kepada semua baktangan Kementerian Kesihatan Malaysia

IMBAS DI SINI LINTUK MENDAPAR

SEMINAR VAPE DAN PENYAKIT EVALI SIRI 1 & 2

Seminar Siri 1 dan 2 anjuran Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia ini telah diadakan pada 6 dan 27 Mac 2022 bermula 9.00 pagi sehingga 12.30 tengahari melalui platform Webex dan disiarkan secara rasmi melalui Youtube Live mQuit Channel.

Seminar ini bertujuan memberikan pendedahan kepada semua golongan masyarakat berkaitan kesan dan akibat penggunaan rokok elektronik atau vape dalam usaha penggubalan polisi baru berkaitan produk tembakau dan vape.

Program ini telah dijayakan oleh beberapa panel jemputan termasuk pegawai farmasi daripada Pusat Racun Negara iaitu:

PANEL 1: Puan Sulastris Samsudin
TOPIK: Keracunan Vape—Laporan daripada Pusat Racun Negara

Webinar Siri Satu mensasarkan petugas kesihatan di Kementerian Kesihatan sendiri dan dihadiri lebih 500 orang. Manakala Siri Dua pula mensasarkan warga Institusi Pengajian tinggi dengan penyertaan lebih 100 orang.

Sidang Redaksi



Ketua Penyunting

Dr. Nur Azzalia Kamaruzaman

Penyunting Kanan

Rosman Ahmad



Penyelaras Kandungan



Nur Afni Amir

Penyunting



Sulastri Samsudin



Nur Afni Amir



Web Master

Natrah Mustapha



Mohd Fadhli Razali

Pengarang

Adilah Mohamed Ariff
Mahiya Nabila Rosaria Abdul Hamid
Nur Afni Amir
Dr. Normaliza Abdul Manaf

Ilustrasi



Zharif Zakaria

Grafik dan Layout

Rosman Ahmad



Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang



04 657 0099



<https://www.facebook.com/prnsm/>



prnnet.usm.my



<https://www.prn.usm.my>